



**PROSEDUR OPERASI STANDARD
PENGIMARAHAN MASJID DAN SURAU SEMASA FASA
PERALIHAN KE ENDEMIK COVID-19 DI SELURUH NEGERI SARAWAK
TAHUN 2022**

Prosedur Operasi Standard ini dikeluarkan untuk dilaksanakan dalam Negeri Sarawak selaras dengan situasi semasa wabak COVID-19 di bawah Fasa Peralihan Ke Endemik Covid-19. Majlis Islam Sarawak bersetuju memutuskan perkara-perkara berikut:-

1. **Solat Jumaat, solat fardhu, solat sunat, khutbah dan wirid selepas solat** di masjid dan surau adalah dibenarkan **tanpa penjarakan fizikal**.
2. **Semua aktiviti pengimarahen** masjid dan surau (pengajian/ kuliah/ ceramah/ kursus/ bengkel/ tadarus/ tahlil/ berbuka puasa/ moreh/ qiamullail/ sahur/ iktikaf/ khatamal Al-Quran dan lain-lain) adalah dibenarkan **dengan penjarakan fizikal**.
3. **Penganjuran aktiviti sosial yang sesuai diadakan di masjid dan surau** adalah dibenarkan **dengan penjarakan fizikal**.
4. Pengurusan dan pengkebumian jenazah yang tiada kaitan dengan COVID-19 adalah dibenarkan **dengan penjarakan fizikal**.
5. Prosedur Operasi Standard utama COVID-19 yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:-
 - (i) Menggunakan pelitup hidung dan mulut (*facemask*) sepanjang masa;
 - (ii) Mendaftar kehadiran melalui Mysejahtera sebelum masuk ke dalam masjid dan surau;
 - (iii) Digalakkan membawa sejadah atau alas sujud sendiri;
 - (iv) Jamuan adalah dibenarkan mengikut Prosedur Operasi Standard COVID-19 semasa; dan

- (v) Mana-mana individu yang masih dalam tempoh notis kuarantin COVID-19 oleh KKM atau yang mempunyai gejala demam, selsema, batuk atau sesak nafas adalah **dilarang** menghadiri solat dan semua aktiviti lain di masjid dan surau.
6. Semua Prosedur Operasi Standard COVID-19 hendaklah dipatuhi sebagaimana yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Majlis Keselamatan Negara, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBN) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian (JPBB).
7. Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan Surau bertanggungjawab menguatkuasakan pelaksanaan Prosedur Operasi Standard yang telah ditetapkan ini.
8. Majlis Islam Sarawak dengan kelulusan JPBN boleh mengubah atau meminda Prosedur Operasi Standard ini dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan.
9. Pemakaian Prosedur Operasi Standard ini berkuatkuasa **mulai 1 April 2022 sehingga mana-mana arahan lanjut yang ditetapkan oleh Majlis Islam Sarawak** dengan kelulusan **JPBN**.

Arahan

Majlis Islam Sarawak

21 Mac 2022M bersamaan 18 Syaaban 1443H